Ronald Beadle lwn Kerajaan Malaysia

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1-12-336 TAHUN 1996
ABDUL KADIR SULAIMAN H
17 FEBRUARI 1998

Undang-Undang Hasil — *Cukai pendapatan — Cukai dipotong oleh majikan daripada pendapatan tetapi majikan gagal meremitkan wang yang dipotong kepada kerajaan — Sama ada terdapat obligasi undang-undang ke atas majikan untuk membuat pemotongan dan meremitkan wang yang dipotong kepada kerajaan — Sama ada obligasi hanya wujud berkaitan dengan cukai yang telah ditaksirkan — Sama ada tanggungan pembayar cukai dipindahkan kepada majikan — Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan dari Penggajian: Malaysia Barat) 1967 k 3(1) — Akta Cukai Pendapatan 1967 s 107*

Undang-Undang Hasil — *Cukai pendapatan — Cukai dipotong oleh majikan daripada pendapatan tetapi majikan gagal meremitkan wang yang dipotong kepada kerajaan — Tindakan diambil terhadap majikan dan penghakiman diperolehi tetapi kemudiannya diketepikan — Sama ada tindakan boleh diambil terhadap pembayar cukai — Sama ada tindakan ke atas pembayar cukai untuk mendapat pembayaran cukainya yang berada di tangan majikan terhapus — Akta Cukai Pendapatan 1967 s 107*

Perayu bekerja dengan South East Asia Helikopter Sdn Bhd ('SEAH') sehingga 31 Disember 1980. Mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ('KPHDN') bagi pihak penentang, di bawah s 107 Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta tersebut'), SEAH telah membuat potongan bulanan dari pendapatan perayu. Wang yang dipotong itu walau bagaimanapun telah tidak disampaikan kepada KPHDN. SEAH telah diarahkan supaya menghantar wang tersebut kepada KPHDN. SEAH tidak mematuhi arahan tersebut dan KPHDN mengambil tindakan mahkamah untuk mendapatkan wang tersebut dari SEAH dan penghakiman telah diperolehi terhadap SEAH. Bagaimanapun, penghakiman terhadap SEAH diketepikan atas permohonan penentang. Penentang kemudiannya mengeluarkan writ saman ke atas perayu di mana tuntutan adalah sama seperti yang dituntut daripada SEAH.

Perayu menghujahkan bahawa cukai pendapatannya telahpun diselesaikan oleh SEAH, atau oleh kerana tindakan telah diambil terhadap SEAH, penentang telah melepaskan haknya untuk membuat tuntutan ini dari perayu. Hakim mahkamah sesyen membenarkan tuntutan penentang dengan alasan bahawa peruntukan k 3(1) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan dari Penggajian: Malaysia Barat) 1967 yang menyentuh soal kewajipan SEAH terhadap arahan di bawah s 107 Akta tersebut tidak relevan dalam kes ini kerana kaedah ini merujuk kepada cukai yang telah ditaksirkan — suatu keadaan yang tidak wujud pada masa pemotongan gaji perayu dilakukan — dan bahawa di dalam keadaan manapun tanggungan perayu terhadap cukai tidak dipindahkan kepada SEAH semata-

mata kerana ada wangnya dipegang oleh SEAH yang telah salah dipotong kerana arahan KPHDN di bawah s 107 adalah tidak wajib dipatuhi kecuali arahan yang dibuat untuk itu melibatkan potongan untuk membayar cukai yang telah ditaksir. Perayu membuat rayuan. A

Diputuskan, membenarkan rayuan: B

(1) Perkataan-perkataan yang digunakan di dalam k 3(1) ialah 'chargeable to tax' yang dengan jelas memberi erti bahawa peruntukan ini berkuatkuasa terhadap seorang pekerja yang tertakluk untuk membayar cukai dan bukan bererti ianya berkuatkuasa setelah cukai sebenar ditaksirkan. Penggunaan perkataan-perkataan 'income on account of tax which is or may be payable by that individual' di dalam s 107(1) dengan jelas menunjukkan bahawa arahan boleh dibuat oleh Ketua Pengarah sama ada cukai pekerja itu telah ditaksirkan atau masih di dalam keadaan pekerja bertanggungan membayar cukai berasaskan pendapatannya itu. Dengan yang demikian, Kaedah 1967 dan s 107 Akta tersebut adalah amat relevan di dalam kes perayu ini bersangkut dengan arahan KPHDN yang telah dikeluarkan kepada SEAH untuk membuat potongan ke atas pendapatan perayu itu. Dengan penyalahtafsiran terhadap kehendak s 107 dan k 3 oleh hakim, maka hakim telah membuat kesimpulan yang salah bahawa tiada obligasi undang-undang ke atas majikan untuk membuat pemotongan seperti yang diarahkan oleh KPHDN itu (lihat ms 269F–I dan 270A–B). C D E

(2) Potongan ke atas pendapatan perayu boleh diklasifikasikan sama ada di bawah s 4(b) atau (e) kerana pendapatan perayu tersebut boleh disifatkan sebagai 'gains or profits from an employment' atau 'other periodical payments' kerana peruntukan s 4 adalah menyeluruh meliputi apa saja jenis pendapatan yang tergulung di dalam (a) hingga (f). Oleh itu, mengikut peruntukan s 107(5), jika dikenakan kepada situasi kes ini, SEAH adalah bertanggungjawab untuk membayar cukai perayu berasaskan arahan KPHDN tersebut. Jika ia akui bahawa potongan telah dibuat, tetapi ia telah tidak menghantarnya terus kepada KPHDN ia perlulah dianggap sebagai telah tidak membuat potongan bagi maksud s 107(5) Akta tersebut (lihat ms 270F–I). F G

(3) Oleh kerana prosiding yang teratur telah dijalankan ke atas SEAH berasaskan peruntukan s 107 Akta tersebut, tindakan ke atas perayu oleh KPHDN untuk mendapat pembayaran cukainya yang berada di tangan SEAH adalah terhapus kerana tanggungan ke atas jumlah wang cukai perayu yang berada di tangan SEAH mengikut peruntukan s 107(5) itu adalah berpindah kepada SEAH. Dengan peruntukan yang jelas ini, nyatalah bahawa tuntutan cukai ke atas perayu oleh penentang tidak lagi berbangkit setakat tempoh masa dan jumlah wang yang berada di dalam milikan SEAH walaupun penghakiman ke atas SEAH dibatalkan di atas permintaan pihak penentang. Ini ialah kerana di bawah H I

peruntukan yang sama, hak hanya diberi kepada SEAH untuk menuntutnya dari perayu terhadap apa-apa jumlah yang ia tertanggung kepada penentang (lihat ms 271C–E).

(4) Hakim juga tersilap bila ia menyatakan bahawa oleh kerana tidak ada obligasi undang-undang untuk memotong gaji, maka tidak ada obligasi undang-undang ke atas majikan perayu untuk meremitkan wang pemotongan tersebut kepada KPHDN. Secara umumnya, tanggungjawab untuk membayar cukai adalah tanggungjawab perayu terhadap pendapatannya. Tetapi jika s 107 Akta tersebut adalah terlibat, tanggungjawab pembayar cukai seperti perayu ini adalah terhad kepada membayar cukai yang berlebihan daripada apa yang telah dipotong daripada pendapatannya tiap-tiap bulan oleh majikannya. Oleh itu, adalah tidak tepat seperti yang diputuskan oleh hakim bahawa di dalam keadaan manapun tanggungan perayu terhadap cukai tidak dipindahkan kepada SEAH (lihat ms 271I dan 272A–C).

(5) Berdasarkan fakta-fakta kes, pembelaan perayu bahawa semua cukainya telah dijelaskan melalui SEAH adalah berasas (lihat ms 271G–H).

(6) Berkenaan isu 'waiver' yang ditimbulkan oleh perayu kerana penentang telah membuat tuntutan lebih awal dari SEAH, ianya tidak berbangkit kerana s 107 Akta itu sendiri melepaskan perayu dari tanggungannya setakat jumlah wang yang dipotong dari pendapatannya oleh SEAH (lihat ms 272C–D).

[English summary

The appellant was in the employment of South East Asia Helicopter Sdn Bhd ('SEAH') until 31 December 1980. Pursuant to the directive issued by the Director General of Inland Revenue ('the DGIR') on behalf of the respondent, under s 107 of the Income Tax Act 1967 ('the Act'), SEAH had made monthly deductions from the appellant's income. However, the deducted sum was not forwarded to the DGIR. SEAH had been instructed to deliver the sum to the DGIR. SEAH did not comply with the directive and the DGIR took court action to recover the money from SEAH and judgment was obtained against SEAH. However, the judgment against SEAH was set aside on the respondent's application. The respondent subsequently issued a writ of summons on the appellant whereby the claim was similar to that claimed from SEAH.

The appellant contended that his income tax had been settled by SEAH, or since action had been taken against SEAH, the respondent had relinquished his right to make this claim from the appellant. The sessions court judge allowed the respondent's claim on the ground that r 3(1) of the Income Tax (Deduction from Emoluments: West Malaysia) Rules 1967 which touches upon the question of SEAH's duty towrads the directive under s 107 of the Act was not relevant in this case because this rule referred to tax which has been assessed —

a situation which did not exist at the time the deduction of the appellant's salary was made — and that in any event the appellant's tax liability was not transferred to SEAH just because his money was being held by SEAH which had been wrongly deducted because it was not compulsory to comply with the DGIR directive under s 107 save the directive which was made concerned deductions to pay tax which had been assessed. The appellant appealed.

Held, allowing the appeal:

(1) The words used in r 3(1) were 'chargeable to tax' which clearly conveys the meaning that this provision is enforceable against an employee who is required to pay tax and does not mean it is enforceable after the actual tax has been assessed. The use of the words 'income on account of tax which is or may be payable by that individual' in s 107(1) clearly shows that a directive may be made by the Director General whether the employee's tax had been assessed or the employee was still liable to pay tax based on his income. Consequently, the Rules and s 107 of the Act were most relevant in the appellant's case in connection with the DGIR directive issued to SEAH to make deductions on the appellant's income. By misconstruing the requirements of s 107 and r 3, the judge had thus reached the erroneous conclusion that there was no legal obligation on the employer to make deductions as was directed by the DGIR (see pp 269F–I and 270A–B).

(2) The deduction on the appellant's income could be classified either under s 4(b) or (e) because the appellant's income could be described as 'gains or profits from an employment' or 'other periodical payments' as the provisions of s 4 are wide covering just about any type of income included in (a) to (f). Therefore, pursuant to the provision of s 107(5), if applied to the situation of this case, SEAH was responsible for paying the appellant's taxes based on the DGIR directive. If it admitted that deductions had been made, but it did not send them directly to the DGIR it was to be assumed as not having made the deductions within the meaning of s 107(5) of the Act (see p 270F–I).

(3) Since the proceedings on SEAH was regular based on s 107 of the Act, the action on the appellant by the DGIR to recover the payment of his taxes which was in the hands of SEAH was extinguished because liability on the appellant's total tax money in the hands of SEAH according to the provision of s 107(5) had been transferred to SEAH. With this clear provision, it was apparent that the tax claim on the appellant by the respondent no longer arose as regards the time period and total sum in the possession of SEAH even though the judgment on SEAH was struck out at the respondent's request. This was because under the same provision, the right is only given to SEAH to claim it from the appellant any sum that it owed to the respondent (see p 271C–E).

(4) The judge also erred when he stated that since there was no legal obligation to deduct salary, therefore there was no legal obligation on the appellant's employer to remit the deducted money to the DGIR. Generally, it is the appellant's responsibility to pay taxes against his income. But if s 107 of the Act is involved, the responsibility of the taxpayer like the appellant is limited to paying taxes in excess of that which had been deducted each month from his income by his employer. Accordingly, it was inaccurate for the judge to hold that in any event the appellant's tax liability was not transferred to SEAH (see pp 271I dan 272A–C).

(5) Based on the facts of the case, the appellant's defence that all his taxes had been settled through SEAH was not without basis (see p 271G–H).

(6) On the issue of 'waiver' raised by the appellant because the respondent had made an earlier claim from SEAH, it did not arise as s 107 of the Act itself released the appellant from his liability as regards the sum of money deducted from his income by SEAH (see p 272C–D).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai cukai pendapatan, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 1674–1917.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Cukai Pendapatan 1967 s 107(1), (5)

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan dari Penggajian: Malaysia Barat) 1967 k 3(1)

Kan Weng Hin (*Azam-Malek & Soh*) bagi pihak defendan/perayu.

Hazlina Hussain (Pegawai Undang-Undang, Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi pihak plaintif/penentang.

Cur Adv Vult

Abdul Kadir Sulaiman H: Ini adalah rayuan defendan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen bertarikh 20 November 1996 membenarkan tuntutan penentang/plaintif terhadap cukai pendapatannya meliputi tahun taksiran 1979 hingga 1981.

Perayu bekerja dengan sebuah syarikat, South East Asia Helikopter Sdn Bhd ('SEAH') sehingga 31 Disember 1980. Mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ('KPHDN') bagi pihak penentang, di bawah s 107 Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta tersebut'), SEAH telah membuat potongan bulanan dari pendapatan perayu. Wang yang dipotong itu walau bagaimanapun telah tidak disampaikan kepada KPHDN seperti yang dikehendaki. Sebelum perayu berhenti bekerja, SEAH telah memberitahu KPHDN bahawa wang perayu

sebanyak RM27,943 berada di tangannya. Pihak KPHDN mengarahkan SEAH melalui suratnya bertarikh 6 April 1981 supaya menghantar terus kepadanya sebanyak RM22,778.70 daripada wang yang di tangan SEAH tersebut dan bakinya boleh dilepaskan kepada perayu.

Perkiraan RM22,778.70 itu adalah bagi maksud cukai perayu seperti berikut:

Baki debit dalam akaun	RM 8,820.50
Cukai asal tahun taksiran 1981	12,781.00
Cukai tambahan tahun taksiran 1980	663.60
Cukai tambahan taksiran tahun 1979	513.60
Jumlah	22,778.70

Dari sini menampakkan bahawa perayu telah tidak terhutang akan cukai asal untuk tahun-tahun taksiran 1979 dan 1980 kerana jika ada, sudah tentu wang lebihan dari potongan yang dibuat itu tidak akan diarah untuk dilepaskan kepada perayu dan sebaliknya akan dimasukkan bersama butir-butir di atas itu. SEAH sebalik mematuhi arahan KPHDN tersebut telah tidak menghantarkannya terus kepada KPHDN jumlah wang yang diminta itu. Tiada diketahui apa yang terjadi kepada wang lebihan tersebut, sama ada dilepaskan kepada perayu atau tidak.

KPHDN telah mengambil tindakan mahkamah untuk mendapatkan wang tersebut dari SEAH melalui Guaman Sivil No 1565/81 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan pada 24 Oktober 1981 penghakiman telah diberi dengan SEAH diperintahkan membayar kepada penentang wang sebanyak RM22,778.70 itu dengan faedah sebanyak 8% setahun dan RM73 sebagai kos. Di atas keengkaran SEAH mematuhi perintah mahkamah tersebut, penentang telah memohon agar SEAH digulung. Pada 13 Februari 1984, satu perintah penggulungan telah dibuat ke atas SEAH. Pada 25 Januari 1985, pegawai penerima telah memberi notis kepada lima syarikat dan orang perseorangan bahawa pihaknya bercadang hendak melupuskan semua aset SEAH dan mereka diminta memajukan apa-apa tuntutan terhadap harta SEAH tersebut. Tetapi perayu tidak diberi notis sedemikian kecuali salinan notis tersebut sahaja dikirimkan kepadanya. Sebabnya akan menjadi jelas kemudian nanti.

Beberapa ketika selepas itu, di atas sebab yang tidak dijelaskan, pihak penentang telah memohon ke mahkamah agar penghakiman di dalam Guaman Sivil No 1565/81 tersebut diketepikan dan mahkamah telah mengenepikan penghakiman terhadap SEAH itu. Pada 19 Mei 1986, penentang telah mengeluarkan satu writ saman ke atas perayu menuntut daripadanya cukai pendapatan bagi cukai tambahan tahun taksiran 1979, cukai asal untuk tahun taksiran 1980, cukai tambahan tahun taksiran 1980, cukai asal tahun taksiran 1981 dan cukai asal tahun taksiran 1982 berjumlah bersih sebanyak RM28,160.70. Kecuali bagi cukai asal tahun taksiran 1980 dan cukai asal tahun taksiran 1982, butir-butir tuntutan lain adalah yang sama dituntut dari SEAH melalui Guaman Sivil No 1565/81

A yang tersebut tadi itu. Walau bagaimanapun, selepas perbicaraan, tuntutan bagi cukai asal tahun taksiran 1982 ini telah ditolak oleh mahkamah sesyen dan ianya tidak menjadi perkara dalam rayuan ini. Jadi, rayuan oleh perayu ini tertumpu kepada tuntutan untuk cukai tambahan tahun taksiran 1979, cukai asal untuk tahun taksiran 1980, cukai tambahan tahun taksiran 1980 dan cukai asal tahun taksiran 1981 sahaja. Penentang tidak merayu terhadap penolakan tuntutannya terhadap cukai asal tahun taksiran 1982 itu. Pembelaan perayu di dalam tuntutan ini adalah penafian di atas alasan bahawa cukai-cukai berkenaan telahpun diselesaikan oleh SEAH, atau oleh kerana tindakan telah diambil terhadap SEAH melalui Guaman Sivil No 1565/81 yang tersebut tadi itu, penentang telah melepaskan haknya untuk membuat tuntutan ini dari perayu.

Dalam mengkaji merit rayuan ini, perlu saya merujuk kepada alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen tersebut. Alasan pertama diberi oleh hakim ialah berkenaan tidak relevannya perkara dalam kes ini dengan peruntukan k 3 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pemotongan dari Penggajian: Malaysia Barat) 1967 ('Kaedah 1967') yang menyentuh soal kewajipan SEAH terhadap arahan di bawah s 107 Akta tersebut. Pada pendapat saya, alasan ini tidak dapat dipertahankan. Kaedah 3 ini adalah suatu kaedah bagi perlaksanaan kehendak s 107 Akta tersebut. Kaedah 3(1) menyatakan:

> Where an employee is chargeable to tax and his employer for the time being is required by the Comptroller-General by means of a direction issued in that behalf to deduct the tax or any part of the tax from any emoluments which he pays to the employee, the employer shall deduct the tax in accordance with these rules.

Hakim mengatakan peruntukan ini tidak begitu relevan dengan keadaan kes ini kerana kaedah ini merujuk kepada cukai yang telah ditaksirkan, suatu keadaan yang tidak wujud pada masa pemotongan gaji defendan (perayu) dilakukan. Pendapat sedemikian adalah salah kerana perkataan-perkataan yang digunakan di dalam kaedah kecil berkenaan ialah 'chargeable to tax'. Perkataan-perkataan ini jelas memberi erti bahawa peruntukan ini berkuatkuasa terhadap seorang pekerja yang tertakluk untuk membayar cukai dan bukan bererti ianya berkuatkuasa setelah cukai sebenar ditaksirkan. Dengan pendapat hakim sedemikian, ia telah tersalah arah di dalam membuat keputusannya sedemikian itu.

Peruntukan s 107(1) Akta tersebut sendiri berbunyi:

> Where any income in respect of gains or profits from an employment or in respect of any pension, annuity or periodical payment falling under section 4(e) is payable to an individual, then, if the Director General so directs, the person by whom the income is payable shall make deductions out of the income on account of tax which is or may be payable by that individual for any year of assessment.

Penggunaan perkataan-perkataan 'income on account of tax which is or may be payable by that individual' di dalam seksyen kecil tersebut dengan jelas menunjukkan bahawa arahan boleh dibuat oleh Ketua Pengarah sama ada cukai pekerja itu telah ditaksirkan atau masih di dalam keadaan

pekerja bertanggungan membayar cukai berasaskan pendapatannya itu. Dengan yang demikian Kaedah 1967 dan s 107 Akta tersebut adalah amat relevan di dalam kes perayu ini bersangkut dengan arahan KPHDN yang telah dikeluarkan kepada SEAH untuk membuat potongan ke atas pendapatan perayu itu. Dengan penyalahtafsiran ini oleh hakim, maka ia telah membuat kesimpulan yang salah bahawa tiada obligasi undang-undang ke atas majikan untuk membuat pemotongan seperti yang diarahkan oleh KPHDN itu. Jika hakim tidak menyalah arah berkenaan isu ini sudah tentu keputusannya berhubung dengan tuntutan penentang ke atas perayu dalam rayuan ini akan berbeza apabila peruntukan s 107(5) Akta tersebut diambil kira. Seksyen kecil tersebut berbunyi:

> Where a person by whom any income of the kind mentioned in section 4(e) is payable fails to comply with this section with respect to a recipient of that income, that person shall be liable to pay the amount of tax which he has failed to deduct:
>
> Provided that —
>
> (a) the Director General shall apply any amount paid to or recovered by in pursuance of this subsection towards payment of the tax payable by the recipient; and
>
> (b) the person may recover from the recipient as a debt due to that person any amount which has been paid to the Director General by that person or recovered by the Director General from that person in pursuance of this subsection.

Mungkin boleh dipertikaikan bahawa s 107(5) adalah terhad kepada pemotongan bersabit pendapatan di bawah seksyen 4(e) sahaja tetapi pemotongan dari pendapatan perayu adalah terhadap pendapatan di bawah s 4(b) Akta tersebut. Pada pendapat saya, potongan ke atas pendapatan perayu boleh diklasifikasikan sama ada di bawah s 4(b) atau (e) kerana pendapatan perayu tersebut boleh disifatkan sebagai 'gains or profits from an employment' atau 'other periodical payments' kerana peruntukan s 4 adalah menyeluruh meliputi apa saja jenis pendapatan yang tergulung di dalam (a) hingga (f). Dengan yang demikian, mengikut peruntukan s 107(5) tersebut, jika dikenakan kepada situasi kes ini, SEAH adalah bertanggungjawab untuk membayar cukai perayu berasaskan arahan KPHDN tersebut. Apatah lagi di dalam hal ini, potongan telah dibuat tetapi ia telah menyimpan untuk kegunaannya sehingga perayu berhenti kerja pada 31 Disember 1980. Jika tidak masakan berada di tangannya wang sejumlah yang besar itu berbanding dengan pendapatan bulanan perayu. Jika alasannya ia telah tidak membuat apa-apa potongan ia secara terus akan terlibat dengan peruntukan seksyen kecil ini. Jika ia akui bahawa potongan telah dibuat, tetapi ia telah tidak menghantarnya terus kepada KPHDN ia perlulah dianggap sebagai telah tidak membuat potongan bagi maksud s 107(5) Akta tersebut. Oleh kerana di bawah peruntukan ini ia bertanggungjawab, ia diberi hak untuk mendapatkannya kembali dari perayu terhadap apa-apa bayaran yang telah dibuatnya kepada KPHDN atau yang diperolehi oleh KPHDN di bawah seksyen ini. Sekarang jelaslah mengapa Pegawai Penerima tidak menghantar notis kepada perayu untuk memajukan apa-apa tuntutan terhadap harta SEAH tetapi sebaliknya hanya

mengirim kepadanya salinan surat notis tersebut, kerana perayu tidak berhak ke atas harta SEAH tersebut akibat pemotongan gajinya oleh SEAH. Di dalam keadaan begini, KPHDN adalah betul dengan mengambil tindakan melalui guaman sivil yang tersebut awal tadi itu ke atas SEAH dan telah pun memperolehi penghakiman terhadapnya. Tetapi yang anehnya setelah berusaha sedemikian dan mengambil tindakan menggulung syarikat SEAH, pihaknya telah memohon supaya penghakiman tersebut dibatal dan akibatnya mahkamah telah membatalkan penghakiman tersebut. Dapat difaham sekarang mengapa KPHDN mengambil tindakan untuk membatalkan penghakiman tersebut kerana ia berhasrat untuk mengambil tindakan ini ke atas perayu sendiri. Jika pembatalan tidak dibuat, pihaknya menampakkan telah mengambil tindakan yang bertindih, sekali terhadap SEAH dan sekali lagi terhadap perayu. Maka oleh kerana prosiding yang teratur telah dijalankan ke atas SEAH berasaskan peruntukan s 107 Akta tersebut, tindakan ke atas perayu oleh KPHDN untuk mendapat pembayaran cukainya yang berada di tangan SEAH adalah terhapus kerana tanggungan ke atas jumlah wang cukai perayu yang berada di tangan SEAH mengikut peruntukan s 107(5) itu adalah berpindah kepada SEAH. Dengan peruntukan yang jelas di bawah seksyen kecil ini, nyatalah bahawa tuntutan cukai ke atas perayu oleh penentang tidak lagi berbangkit setakat tempoh masa dan jumlah wang yang berada di dalam milikan SEAH walaupun penghakiman ke atas SEAH dibatalkan di atas permintaan pihak penentang. Ini ialah kerana di bawah peruntukan yang sama, hak hanya diberi kepada SEAH untuk menuntutnya dari perayu terhadap apa-apa jumlah yang ia tertanggung kepada penentang.

Seperti dinyatakan awal tadi, apa yang belum dituntut oleh KPHDN dari SEAH melalui guaman sivil tersebut berbanding dengan tuntutannya dari perayu di dalam prosiding yang menjadi perkara rayuan ini ialah terhadap cukai perayu untuk cukai asal tahun taksiran 1980 bagi pendapatan di dalam tahun asas 1979. Surat KPHDN kepada SEAH yang bertarikh 6 April 1981 meminta SEAH menghantar terus kepadanya sebanyak RM22,778.70 yang menjadi asas guaman sivil tersebut langsung tidak menyentuh hal cukai asal tahun taksiran 1980 tersebut. Ini menunjukkan bahawa mengikut perkiraan KPHDN, cukai berkenaan telahpun dijelaskan. Kalau tidak masakan boleh pihaknya mengarahkan SEAH melepaskan kepada perayu wang lebihan daripada RM22,778.70 itu. Dengan yang demikian, pembelaan perayu yang semua cukainya telah dijelaskan melalui SEAH adalah berasas. Juga terdapat bukti bahawa pada 15 Mei 1979 KPHDN telah mengeluarkan arahan di bawah s 107 Akta tersebut supaya SEAH membuat potongan daripada pendapatan perayu pada kadar RM2,300 sebulan bagi tempoh masa Jun 1979 hingga Disember 1979 seperti di ms 100 rekod rayuan.

Disebabkan salah tafsir dibuat kepada kehendak s 107 Akta tersebut dan k 3 Kaedah 1967, hakim juga tersilap bila ia seterusnya menyatakan di dalam alasan penghakimannya bahawa oleh kerana tidak ada obligasi undang-undang untuk memotong gaji tersebut, maka tidak ada obligasi undang-undang ke atas majikan perayu untuk meremitkan wang pemotongan tersebut kepada KPHDN.

Memang secara umumnya seperti yang dikatakan oleh hakim, tanggungjawab untuk membayar cukai adalah tanggungjawab perayu terhadap pendapatannya. Tetapi jika s 107 Akta tersebut adalah terlibat, tanggungjawab pembayar cukai seperti perayu ini adalah terhad kepada membayar cukai yang berlebihan daripada apa yang telah dipotong daripada pendapatannya tiap-tiap bulan oleh majikannya. Dengan yang demikian adalah tidak tepat seperti yang diputuskan oleh hakim bahawa di dalam keadaan manapun tanggungan perayu terhadap cukai tidak dipindahkan kepada SEAH semata-mata kerana ada wangnya dipegang oleh SEAH yang telah salah dipotong kerana mengikut pendapatnya arahan KPHDN di bawah s 107 adalah tidak wajib dipatuhi kecuali arahan yang dibuat untuk itu melibatkan potongan untuk membayar cukai yang telah ditaksir.

Berkenaan isu 'waiver' yang ditimbulkan oleh pihak perayu kerana penentang telah membuat tuntutan lebih awal dari SEAH, pada pendapat saya ianya tidak berbangkit kerana s 107 Akta itu sendiri melepaskan perayu dari tanggungannya setakat jumlah wang yang dipotong dari pendapatannya oleh SEAH.

Maka berasaskan pendapat saya seperti di atas itu saya dapati keputusan hakim membenarkan tuntutan penentang terhadap perayu adalah salah dan dengan yang demikian rayuan ini dibenarkan dengan kos di sini dan di mahkamah sesyen dan keputusan hakim itu adalah dibatalkan dengan menolak tuntutan penentang.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar